

PM: Malaysia tidak terima kehadiran tentera Australia

ALOR SETAR 24 Okt. — Malaysia tidak akan menerima kehadiran tentera Australia di negara ini dalam usaha memerangi keganasan di Asia Tenggara, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, kehadiran tentera Australia di mana-mana tempat di rantau ini mungkin menjadi sasaran aktiviti keganasan pula.

“Kalau ditempatkan di mana-mana tempat, mereka mungkin akan menjadi sasaran. Jadi sementara kita sekarang ini aman, (tetapi, dengan kehadiran mereka) mungkin akan terdedah kepada tindakan keganasan.

“Di Malaysia kita tidak terima (kehadiran tentera Australia)” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat UMNO bahagian Kubang Pasu di sini hari ini.

Dr. Mahathir mengulas kenyataan Perdana Menteri Australia John Howard mengenai kemungkinan negara itu menghantar tenteranya ke rantau ini bagi tujuan itu.

Howard membuat kenyataan itu ekoran kejadian pengeboman di Bali pada 12 Oktober yang mengorbankan sekurang-kurangnya 190 orang, kebanyakannya rakyat Australia.

Mengenai penangguhan Sidang Kemuncak Negara-Negara Berkecuali (G-15) yang dijadual berlangsung di Venezuela pada 26-30 Oktober ini kerana cubaan rampasan kuasa di negara itu, Dr. Mahathir berkata beliau agak kecewa dengan penangguhan mesyuarat berkenaan.

“Ini kerana persidangan itu merupakan satu pakatan antara negara-negara Selatan dan sebelum ini kita dapati mesyuarat tersebut juga menghadapi masalah dan terpaksa ditangguhkan kerana tidak cukup kuorum,” katanya.

Segelintir kecil tentera Venezeula cuba mengajak rakyat dan tentera negara itu bangun memberontak bagi menggulingkan kerajaan Presiden Hugo Chavez. Bagaimanapun, tentera masih berdiri teguh di belakang beliau.

G-15 yang ditubuhkan pada 1989 dianggotai oleh Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Colombia, Mesir, India, Indonesia, Iran, Jamaica, Kenya, Malaysia, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Sri Lanka, Venezeula dan Zimbabwe. Tahun lepas, mesyuarat G-15 berlangsung di Jakarta.